

## Analisis Perbandingan Perambahan Melayu Brunei dan Peribahasa Melayu Malaysia yang Bersumberkan Objek 'Ayam' dari Sudut Pragmatik

Siti Nurul Haziqah Syazwani binti Khairur Rijal, \*Hasmidar Hassan

Jabatan Bahasa, Linguistik dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tunku Link, Gadong BE1410, Brunei Darussalam

\*Corresponding Author e-mail: [hasmidar.hassan@ubd.edu.bn](mailto:hasmidar.hassan@ubd.edu.bn)

Received: October 2025; Revised: October 2025; Published: November 2025

### Abstrak

Peribahasa merupakan ungkapan yang mendukung makna tersirat yang digunakan oleh penutur untuk menyampaikan kritikan, teguran, nasihat dan pujian dengan cara yang halus. Peribahasa juga mencerminkan kebijaksanaan akal budi, nilai, etika, falsafah hidup dan pengamatan yang tinggi penciptanya terhadap simbol atau objek yang digunakan dalam peribahasa yang dicipta. Dalam konteks peribahasa di Nusantara, peribahasa yang terhasil seringkali menggunakan objek flora dan fauna serta ciri dan tingkah laku objek ini sebagai kiasan terhadap tingkah laku manusia. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneliti penggunaan simbol 'ayam' dalam perambahan Melayu Brunei dan peribahasa Malaysia serta membandingkan bentuk serta makna yang didukung oleh peribahasa yang bersumberkan objek 'ayam'. Selain itu, kajian ini juga menganalisis pengaruh latar belakang sosial dan budaya serta sudut pandang masyarakat di dua buah negara ini terhadap pembinaan peribahasa yang menggunakan objek yang sama. Berdasarkan pendekatan pragmatik, iaitu teori Relevans, kajian ini menganalisis perambahan Melayu Brunei dan peribahasa Melayu Malaysia bagi menjelaskan maksud tersirat peribahasa ini dan kewajaran pemilihan objek 'ayam' dalam peribahasa. Kajian ini mendapati bahawa daripada 86 peribahasa yang menggunakan leksikal 'ayam', hanya 12 perambahan daripada Melayu Brunei dan 74 peribahasa daripada Melayu Malaysia. 35% daripada jumlah tersebut mempunyai bentuk dan makna yang sama, 42% mempunyai bentuk yang berbeza tetapi mempunyai makna yang sama, dan 23% berbeza bentuk dan berbeza makna. Persamaan ini menunjukkan perkongsian sudut pandangan dunia dan latar budaya yang sama dalam masyarakat Melayu serantau, manakala perbezaannya mencerminkan pengaruh konteks sosio-budaya dan leksikal tempatan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu di kedua-dua negara mengamalkan prinsip komunikasi yang berlapis melalui peribahasa untuk memberikan nasihat, teguran, dan sindiran secara halus mengikut prinsip Relevans. Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh para penyelidik, dan masyarakat amnya untuk memahami dengan lebih mendalam tentang warisan peribahasa dalam rumpun Melayu secara pragmatik, dan terus memperkukuh kajian dalam bidang ini dari perspektif baharu.

**Kata Kunci:** peribahasa; perambahan; Melayu; Brunei; Malaysia; ayam; Teori Relevans

### Abstract

Proverbs are expressions that convey implicit meanings used by speakers to deliver criticism, advice, warnings, and praise in a subtle manner to avoid hurting feelings. Proverbs also reflect the wisdom, values, ethics, life philosophies, and traditional beliefs of each community. As a reflection of the intellect and life philosophy of their creators, proverbs showcase the high level of observation their creators have towards the symbols or objects used in the constructed proverbs. For instance, proverbs that arise in the Southeast Asian region often utilize flora and fauna as objects, drawing on the characteristics and behaviors of these objects as metaphors for human behavior. Therefore, this study is conducted with the aim of examining the use of the symbol 'chicken' in Brunei Malay proverbs and Malaysian proverbs, highlighting the differences and similarities in form and meaning supported by proverbs derived from the 'chicken' object. Additionally, this study analyzes how the social and cultural backgrounds and perspectives of the communities in these two countries influence the creation of proverbs using the same object. Using a pragmatic approach, specifically the Relevance Theory, this study compares Brunei

*Malay proverbs and Malaysian Malay proverbs to explain the implied meanings of these proverbs and the rationale behind the selection of the 'chicken' object in proverbs. It is hoped that this study will provide insights into the differences in socio-cultural environments, practices, and perspectives that influence the creation of proverbs in Brunei and Malaysia. This research also enables researchers, students, and the community at large to gain a deeper understanding of the traditional heritage of proverbs in the Malay linguistic group from a pragmatic perspective, and to continue strengthening research in this field with new perspectives.*

**Keywords:** Proverbs; Brunei Malay; Malaysian Malay; chicken; Relevance Theory.

**How to Cite:** Hassan, H., & Khairur Rijal, S. N. H. S. (2025). Analisis Perbandingan Perambahan Melayu Brunei dan Peribahasa Melayu Malaysia yang Bersumberkan Objek 'Ayam' dari Sudut Pragmatik. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 3(3), 214-238. <https://doi.org/10.36312/svz59f08>



<https://doi.org/10.36312/svz59f08>

Copyright© 2025, Hassan & Khairur Rijal.

This is an open-access article under the CC-BY-SA License.



## PENGENALAN

Secara umum, peribahasa merupakan ayat atau sekumpulan kata yang tersusun dan mengandungi makna atau pengertian yang tertentu, walaupun susunan katanya pendek tetapi ia dapat menepati makna yang hendak disampaikan (Sapinah Haji Said, 2013). Za'ba mentafsirkan peribahasa sebagai susunan kata yang pendek tetapi berkesan, digunakan sejak sekian lama kerana keindahan serta kebijaksanaannya dalam menyampaikan makna tersirat (dlm. Harun Mat Piah, 1989). Ismail Hamid (1987) pula menyatakan bahawa peribahasa ialah susunan bahasa yang indah dan bermakna, yang terus diwarisi dari generasi ke generasi sebagai alat perbandingan, teladan, dan pengajaran.

Menurut M. Roeslan Effendy (1984), peribahasa merupakan bahasa berkias yang juga dikenali sebagai bahasa perlambangan. Penggunaannya membolehkan penyampaian perasaan dan pemikiran secara tidak langsung dengan mengaitkannya kepada unsur lain dalam kehidupan. Hashim Haji Abd. Hamid (2002) pula melihat peribahasa sebagai ayat pendek yang terkenal dalam masyarakat tradisional, yang mengandungi nasihat, teguran, serta hikmah, merangkumi pelbagai bentuk seperti simpulan bahasa, pepatah, bidalan, dan perbilangan. Definisi dan kenyataan oleh para sarjana Melayu tentang peribahasa ini membolehkan satu kesimpulan dibuat, iaitu peribahasa ialah bahasa berkias yang digunakan untuk menyampaikan nasihat, teguran dan kritikan serta mencerminkan kebijaksanaan yang sepunya. Peribahasa inilah khazanah bersama yang menggambarkan perasaan, pemikiran dan keseimbangan bangsa dan warisan tradisi inilah yang membentuk nilai serta identiti bangsanya (Muhammad Haji Salleh, 2020).

Menurut Nur Izzati Rozman & Nor Azilawati Mohd Noor (2018), peribahasa berfungsi sebagai alat pendidikan, teguran, luahan perasaan, dan komunikasi berkias dalam masyarakat Melayu. Ia menjadi pedoman dalam hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia, serta alam (Julaina Nopiah et al., 2017) dan mencerminkan kebijaksanaan dalam menyampaikan mesej secara halus (Muhammad Zaid Daud et al., 2021). Dalam konteks masyarakat Melayu, peribahasa berfungsi untuk membentuk nilai dan etika sejak kecil, menjadi undang-undang tidak bertulis dalam menyelesaikan pertikaian, serta memperindah komunikasi dalam pidato, politik, dan adat (Muhammad Haji Salleh, 2020). Ternyata, peribahasa bukan sekadar warisan

budaya, malahan menjadi ensiklopedia nilai dan kebijaksanaan yang terus relevan dalam masyarakat. Oleh sebab peribahasa terhasil daripada pencerapan, pemerhatian dan sudut pandang masyarakat penciptanya, maka peribahasa wajar dikaji secara kritis bagi memperlihatkan kebijaksanaan dan kecendekiaan masyarakat Melayu yang mencipta peribahasa pada zaman dahulu.

Dalam penciptaan peribahasa Melayu, unsur alam seperti haiwan, dan tumbuh-tumbuhan sering digunakan sebagai simbol (domain sumber) bagi menyampaikan nasihat, peringatan, dan kebenaran hidup (Noriah Mohamed, 2006). Dari sudut pandang orang Melayu, sifat dan ciri haiwan serta tumbuh-tumbuhan ini sangat menonjol untuk dijadikan sandaran sebagai kiasan untuk mengkritik, membentuk nilai dan mendidik masyarakatnya. Setiap satu peribahasa ini tidak mendukung maksud literal sebaliknya perlu ditafsir dengan mendalam oleh pendengarnya. Menurut Gibbs (1994), peribahasa bukan sekadar ungkapan linguistik, malahan menjadi alat kognitif yang membantu manusia untuk memahami struktur sosial dan sistem kepercayaan masyarakat.

Oleh sebab peribahasa merupakan sumber kebijaksanaan dan kearifan masyarakat terdahulu, maka peribahasa wajar terus dikaji dan diselidiki. Untuk itu, kajian ini diketengahkan dengan tujuan untuk meneliti peribahasa yang menggunakan objek haiwan, iaitu 'ayam' sebagai data kajian. Bagi memperlihatkan suatu perbezaan, kajian ini membandingkan peribahasa yang menggunakan objek ayam dalam perambahan Melayu Brunei dan peribahasa Melayu Malaysia. Pastinya kajian perbandingan seumpama ini berupaya mendedahkan persamaan dan perbezaan sudut pandang dan persepsi dari segi nilai sosio-budaya antara dua negara yang berkongsi akar bahasa dan sejarah yang sama tetapi berkembang dalam konteks sosio-politik yang berbeza (Lakoff & Johnson, 1980).

Kajian tentang penggunaan objek ayam dalam peribahasa ini diketengahkan kerana haiwan 'ayam' didapati kerap digunakan dalam peribahasa Melayu. Ayam sebagai sebagai satu daripada haiwan ternakan ternyata sangat dekat dengan kehidupan seharian manusia, dan tingkah laku ayam seperti keberanian, pengecut, kesuburan, dan ketertindasan sering dikiaskan pada sifat manusia (Azura Halid, 2023). Secara sepintas lalu, masyarakat Melayu Brunei dan Melayu Malaysia juga kelihatan banyak menggunakan objek ayam dalam perambahan dan peribahasanya, namun wujud perbezaan dan persamaan bentuk dan maknanya yang perlu diteliti dengan lebih mendalam lagi.

Kajian perbandingan antara perambahan Melayu Brunei dan peribahasa Melayu Malaysia yang bersumberkan objek ayam boleh memberikan pemahaman tentang struktur sosial, prinsip moral, falsafah, dan cara komuniti berinteraksi dengan persekitaran mereka. Dengan mengkaji peribahasa yang menggunakan simbol ayam, kita dapat memahami persepsi sosial dan persekitaran yang mempengaruhi penggunaan simbol tersebut (Sapinah Haji Said, 2013). Sebagai contoh, peribahasa seperti "Ayam beroga itu, kalau diberi makan di pinggan emas sekalipun ke hutan juga perginya" menggambarkan bagaimana senangnya di negeri asing, ingat juga kita akan negeri sendiri. Peribahasa ini menunjukkan bahawa walaupun seseorang itu hidup senang di tempat orang, dia tetap akan merindui kampung halamannya. Dengan maksud yang sama, peribahasa Melayu Malaysia tidak menggunakan bentuk peribahasa 'Ayam beroga itu kalau diberi makan di pinggan emas sekalipun ke hutan

juga perginya' sebaliknya menggunakan peribahasa "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri". Oleh itu, timbul persoalan sejauh manakah bentuk dan maksud perambahan dan peribahasa yang bersumberkan leksikal ayam antara kedua-dua negara ini sama atau berbeza.

Walaupun kajian tentang peribahasa Melayu banyak dikaji sebelum ini, namun kajian ini tentang perambahan atau peribahasa Melayu yang digunakan oleh dua buah negara belum dikaji oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. Kajian tentang peribahasa sebelum ini misalnya oleh Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet (2018, 2022) menumpukan aspek semantik inkuisitif dalam peribahasa ayam di Malaysia sahaja, manakala tiada penyelidikan terdahulu yang membandingkan penggunaan objek sama dalam konteks Brunei dan Malaysia dari sudut pragmatik. Oleh itu, dengan menggunakan teori Relevans dan analisis teks kajian tentang perambahan Melayu Brunei dan peribahasa Melayu Malaysia yang bersumberkan leksikal 'ayam', kajian ini diketengahkan untuk mengenal pasti persamaan atau perbezaan bentuk dan maksud perambahan dan peribahasa kedua-dua negara tersebut. Kajian ini juga bertujuan untuk menampilkan perspektif baharu tentang bagaimana konteks sosial dan budaya mempengaruhi makna tersirat, serta bagaimana kesantunan dan strategi komunikasi Melayu berfungsi dalam dua masyarakat serumpun.

### **Konsep Perambahan dan Peribahasa**

Bagi memahami konsep perambahan Brunei dan peribahasa Malaysia yang menjadi fokus kajian ini, beberapa definisi perambahan dan peribahasa daripada sarjana Melayu yang berwibawa dijelaskan dalam perenggan berikut.

Menurut Mataim Bakar (2006), dialek Melayu NBD menggunakan perkataan "perambahan" untuk merujuk simpulan bahasa, peribahasa dan ungkapan. Perambahan NBD ialah cabang bahasa kiasan yang berfungsi untuk menyampaikan contoh, nasihat, dan pengajaran kepada orang Melayu NBD. Perambahan NBD lahir daripada pengalaman dan pemerhatian orang tua yang bijak. Sebagai salah satu bentuk bahasa figuratif, perambahan NBD menyampaikan makna yang lebih mendalam dibandingkan dengan komunikasi literal dan mencerminkan pandangan hidup masyarakat Melayu Brunei (Haji Ali Ahmad, 1991).

Perambahan Brunei juga mencerminkan nilai moral, adat, dan kepercayaan orang NBD, dan penuh dengan unsur-unsur kiasan seperti perumpamaan dan metafora. Seterusnya, kosa kata yang berasal dari Dialek Melayu NBD mempunyai ciri fonetik unik, seperti penggantian vokal dan pengguguran bunyi, yang digunakan dalam bahasa kiasan ini (Hj Abd Rahman, 2007; Hj Chuchu, 2005). Perambahan Brunei sering menggunakan bahasa figuratif, seperti litotes, simile, dan sarkasme untuk menegur masyarakat secara halus tanpa mencetuskan konflik.

Dalam konteks perambahan Brunei, penciptanya mengambil inspirasi daripada pelbagai aspek kehidupan, seperti anatomi manusia, tumbuhan, binatang, dan tingkah laku alam sekitar. Contoh peribahasa yang bersumberkan binatang seperti "macam raban ayam" dan "tikus mondok" menggambarkan keadaan atau sifat tertentu yang merujuk dunia manusia. Dengan memahami perambahan Brunei, kita dapat mengkaji nilai budaya dan sosial yang terkandung dalam peribahasa serta kaitannya dengan kehidupan masyarakat Melayu Brunei.

Dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia, peribahasa didefinisi sebagai ayat yang ringkas dan tersusun (Sapinah Haji Said, 2013), ungkapan tetap yang mempunyai maksud tersirat yang menunjukkan kebijaksanaan, kebenaran, dan nilai moral yang diwariskan daripada generasi kepada generasi. Ia berfungsi sebagai alat komunikasi berlapis yang digunakan dalam masyarakat untuk memberikan nasihat, mengajar, dan menegur.

Peribahasa terbentuk daripada pengalaman hidup dan pemerhatian masyarakat terhadap alam sekitar, adat istiadat, serta falsafah hidup mereka (Wilkinson, 1907; Hamilton, 1947). Ia bukan sahaja mencerminkan pemikiran dan perwatakan sesuatu komuniti malahan menjadi pedoman sosial dalam mengawal tingkah laku individu juga.

Peribahasa berasal daripada pengalaman seharian orang dan pandangan mereka tentang adat resam, alam sekitar, dan kepercayaan mereka sendiri (ibid). Ia bukan sahaja menunjukkan cara sesuatu komuniti berfikir, malahan berfungsi sebagai garis panduan untuk tingkah laku individu juga.

Hal ini dapat dilihat pada keindahan peribahasa yang menyampaikan makna yang luas dan boleh digunakan dalam pelbagai konteks komunikasi. Hal ini juga mencerminkan hubungan erat antara manusia, masyarakat, dan alam sekitar, sekaligus menjadi cerminan budaya dan pemikiran kolektif sesuatu bangsa.

### **Leksikal 'Ayam'**

Ayam domestik, atau *Gallus gallus domesticus*, ialah sejenis unggas dalam keluarga *Phasianidae*, kelas *Aves*, dan kelas *Galliformes* (Naladhipa, 2017). Ayam ialah organisma multiseluler dan heterotrofik eukariota yang mencerna makanan di luar sel sebelum menyerap nutrisinya ke dalam tubuh dan filum *Chordata* yang termasuk dalam haiwan bertulang belakang (vertebrata), menurut Linnaeus (1758) (dlm. Muhammad Zaid Daud (2018), Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet 2022).

Dalam budaya Melayu, ayam bukan sahaja berperanan sebagai sumber makanan malahan memiliki nilai simbolik yang signifikan juga. Sejarah Brunei mencatat bahawa ayam memainkan peranan penting dalam usaha Brunei membebaskan diri daripada kekuasaan Majapahit pada abad ke-14 melalui pertandingan sabung ayam, dan kemenangan berpihak pada Brunei (Awang Asbol, 2015). Selain itu, cerita rakyat seperti 'Ayam dan Jarum Emas' dan 'Pak Kaduk' juga sering dikaitkan dengan ayam. 'Ayamnya menang kampung tergadai,' ialah baris dalam Seloka Pak Kaduk yang menggunakan sabung ayam sebagai metafora untuk kecuaihan dan ketamakan manusia.

Selain mendukung peranan yang besar dalam sejarah dan sastera lisan, ayam juga memberikan nilai terhadap ekonomi tradisional masyarakat Melayu. Sebagai haiwan ternakan utama, ayam dibela untuk mendapatkan telur dan daging sebagai sumber makanan dan juga sumber ekonomi sara diri (Salleh, 2010). Masyarakat Melayu mendapat inspirasi untuk mencipta peribahasa yang secara implisit menggambarkan sifat dan kelakuan manusia kerana ayam ialah sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Perumpamaan 'seperti ayam berak kapur,' 'seperti ayam kehilangan ibu', dan 'seperti ayam bertelur di padi', menggambarkan sifat manusia melalui cara ayam bertingkah laku. Menurut Sapinah (2013), peribahasa yang bersumberkan objek ayam ini menunjukkan pemahaman masyarakat Melayu tentang

tabiat haiwan dan nilai dan adat resam yang telah diwariskan dari generasi ke generasi.

## SOROTAN LITERATUR

Penyelidikan mengenai binatang dalam peribahasa telah dikaji dari pelbagai perspektif, termasuk dalam bidang pendidikan, etnolinguistik, dan linguistik seperti pragmatik dan semantik. Oleh itu, sorotan kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh manakah kajian tentang peribahasa yang menggunakan objek 'ayam' dilakukan pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Tinjauan literatur ini meneliti pelbagai kajian yang berkaitan dengan peribahasa untuk memahami dengan lebih mendalam tentang pendekatan dan teori khususnya teori Relevans yang melandasi kajian yang dilakukan serta dapatan kajian tentang ketersiratan makna dan kewajaran penggunaan objek atau simbol binatang dalam peribahasa.

Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2018, 2022) meneliti 90 peribahasa Melayu yang menggunakan imej ayam sebagai kiasan terhadap tingkah laku manusia. Kajian ini menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dan rangka rujuk silang (RRS) dalam menganalisis data daripada Kamus Istimewa Peribahasa Melayu serta korpus DBP dan *Malay Concordance Project*. Dapatan menunjukkan bahawa imej ayam dalam peribahasa merangkumi pelbagai tema seperti kewaspadaan, kesia-siaan, dan kezaliman, sekali gus mencerminkan pemikiran dan nilai tempatan. Kajian ini menyumbangkan pemahaman mendalam tentang hubungan antara perlambangan alam dan struktur kognitif dalam budaya Melayu.

Kajian oleh Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani, dan Rohaidah Haron (2018) menelusuri evolusi peribahasa Melayu dalam laman sosial Facebook, dengan memfokuskan perubahan struktur, makna, dan penciptaan ungkapan baru. Analisis berasaskan Teori Relevans memperlihatkan bagaimana peribahasa menyesuaikan diri dengan konteks moden serta mengekalkan fungsi komunikatif dan budaya. Kajian ini membuktikan bahawa peribahasa, meskipun berakarumbikan tradisi lisan, tetap dinamik dan responsif terhadap perubahan sosial, sekaligus memperkukuh kedudukannya sebagai alat komunikasi budaya.

Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, dan Wan Nurasikin Wan Ismail (2016) turut mengkaji simbolisme haiwan, khususnya ikan, dalam peribahasa Melayu tradisional. Dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, kajian ini menelusuri makna tersirat dan falsafah budaya yang tercermin dalam ungkapan-ungkapan tersebut. Hasil analisis menunjukkan bahawa peribahasa ikan sering menggambarkan nilai akal budi dan kearifan tempatan yang diwariskan dari generasi ke generasi. Peribahasa ini bukan sekadar alat bahasa, malah mencerminkan pandangan hidup dan sistem nilai masyarakat.

Heras Ramírez (2015) meneliti penggunaan dan penafsiran peribahasa melalui pendekatan pragmatik dengan menumpukan perhatian terhadap bahasa Inggeris dan Sepanyol. Kajian ini menggunakan Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995) bagi menjelaskan bagaimana peribahasa membolehkan penutur menyampaikan maksud secara tersirat. Dapatan utama menunjukkan bahawa fungsi dominan peribahasa adalah untuk menyampaikan kritikan, nasihat, dan amaran secara halus. Ramírez turut menekankan aspek ironi dan metafora sebagai elemen yang mempengaruhi interpretasi, manakala penggunaan elipsis dalam peribahasa yang

umum memperlihatkan hubungan antara kebiasaan penggunaan dan tahap kefahaman pendengar. Kajian ini memperkuat pemahaman tentang fungsi pragmatik peribahasa dalam komunikasi antara budaya.

Dalam konteks budaya Melayu, Nooriza Daud, Umaimah Kamarulzaman, dan Noor Hidayu Parlan (2013) menganalisis 163 peribahasa berunsurkan haiwan daripada korpus "Tikaman Bahasa" untuk mengenal pasti nilai dan norma budaya yang disampaikan secara simbolik. Teori Relevans diaplikasikan bagi menelusuri makna tersirat peribahasa yang melibatkan imej haiwan. Dapatan menunjukkan simbol haiwan dalam peribahasa cenderung membawa konotasi negatif (57%) berbanding positif (43%). Kajian ini menonjolkan kepentingan perlambangan haiwan dalam memperlihatkan identiti budaya dan peranan peribahasa sebagai wahana pendidikan nilai moral masyarakat Melayu.

Noraini Shahida Ishak dan Mascitah Mansor (2011) pula meneliti fungsi peribahasa dalam iklan Malaysia, khususnya dalam menyampaikan mesej budaya dan nilai Melayu. Berdasarkan analisis terhadap iklan media cetak dan elektronik, peribahasa dan simpulan bahasa dikenal pasti sebagai alat retorik yang efektif untuk menarik perhatian khalayak dan mengukuhkan pemahaman mesej. Analisis yang dilakukan berdasarkan teori Relevans menunjukkan bagaimana mesej tersirat dapat difahami secara efektif apabila disampaikan dalam bentuk yang ringkas dan mudah. Kajian ini turut menyerlahkan keupayaan peribahasa untuk kekal relevan dalam konteks komunikasi kontemporari.

Kajian oleh Imran Ho-Abdullah (2011) yang menggunakan pendekatan semantik kognitif pula menganalisis metafora dan metonimi dalam peribahasa Melayu berasaskan imej anjing (*Canis familiaris*). Berdasarkan kerangka Ibañez-Moreno, kajian ini mendedahkan bahawa imej anjing dalam peribahasa Melayu sering dikaitkan dengan sifat negatif seperti kedayusan dan kebodohan, berbeza dengan imej positif dalam peribahasa Inggeris. Perbezaan ini mencerminkan variasi skema konseptual antara budaya serta menunjukkan bagaimana interaksi budaya dengan haiwan membentuk sistem metafora yang unik dan terikat dengan norma masyarakat. Kajian ini menegaskan peranan metafora konseptual dalam menstrukturkan makna peribahasa serta mencerminkan nilai budaya.

Sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa peribahasa berunsurkan haiwan memainkan peranan penting dalam menyampaikan nilai, norma, dan pandangan dunia masyarakat melalui pendekatan pragmatik. Kajian oleh Heras Ramírez (2015) serta beberapa penyelidik tempatan (Noriza Daud et al., 2013; Nooraini Shahida Ishak & M Mascitah Mansor, 2011; Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani & Rohaidah Haron, 2018) membuktikan bahawa peribahasa bertindak sebagai alat komunikasi tersirat yang sarat dengan makna kontekstual dan bersifat adaptif. Menerusi aplikasi teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995), peribahasa dapat difahami sebagai bentuk ujaran yang menjimatkan tenaga pemprosesan makna, di samping menyampaikan mesej yang kaya dengan nilai sosial dan budaya.

Walaupun pelbagai haiwan seperti ikan, anjing, dan gajah telah dianalisis dari segi fungsi simbolik dan makna budaya, kajian terhadap peribahasa yang menggunakan imej ayam (*Gallus gallus domesticus*) lebih cenderung dianalisis dari sudut semantik inkuisitif. Kajian oleh Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2018, 2022) misalnya, memanfaatkan analisis semantik inkuisitif dan rangka

rujuk silang (BCR) bagi meneliti aspek kebijaksanaan tempatan yang digambarkan melalui imej ayam. Namun begitu, kajian tentang penggunaan dan fungsi peribahasa ayam oleh masyarakat Melayu di Malaysia dan Brunei belum diteliti oleh mana-mana pengkaji sebelum ini.

Oleh itu, kajian ini dirancang untuk mengisi kekosongan tersebut dengan mengaplikasikan pendekatan pragmatik, khususnya teori Relevans untuk meneliti penggunaan peribahasa ayam dalam konteks budaya Melayu di Malaysia dan Brunei. Pendekatan ini dijangka dapat mengungkap fungsi peribahasa sebagai alat penyampaian nasihat, kritikan, dan sindiran secara tersirat serta mencerminkan kepelbagaian nilai dan norma dalam komuniti berbahasa Melayu.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks sebagai metodologi utama untuk memperoleh dan menganalisis data. Proses analisis bermula dengan pengumpulan data daripada Perambahan Brunei oleh Hadijah Haji Hassan (2019) dan Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013).

### Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data bermula dengan langkah awal yang melibatkan pengenalpastian semua peribahasa yang menggunakan leksikal 'ayam' dalam kedua-dua korpus peribahasa Brunei dan Malaysia, diikuti oleh pengelasan berdasarkan bentuk dan makna tersirat peribahasa yang dikumpulkan.

Sebanyak 86 peribahasa yang mengandungi leksikal ayam dikenal pasti, iaitu 12 perambahan Brunei dan 74 peribahasa Malaysia. Pemilihan dibuat secara persampelan purposif, berdasarkan kriteria bahawa setiap peribahasa mesti mempunyai objek haiwan 'ayam' sebagai domain sumber peribahasa dan digunakan dalam konteks masyarakat Melayu. Seterusnya, kesemua perambahan dan peribahasa yang dikenal pasti dikelaskan kepada peribahasa yang sama bentuk dan sama makna, peribahasa yang tidak sama bentuk tetapi mendukung maksud yang sama dan peribahasa yang berbeza bentuk dan maknanya. Namun, atas kekangan ruang, hanya satu data yang mewakili peribahasa yang sama bentuk dan sama makna dianalisis (atas sebab persamaan bentuk dan makna, maka huraian lanjut tentang peribahasa ini terhad), dua peribahasa yang tidak sama bentuk tetapi mendukung maksud yang sama dianalisis, dan dua daripada empat peribahasa yang berbeza bentuk dan berbeza maknanya dianalisis dalam penulisan ini.

### Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpulkan daripada Perambahan Brunei oleh Hadijah Haji Hassan (2019) dan Kamus Peribahasa Melayu oleh Sapinah Haji Said (2013) seterusnya dianalisis dengan menggunakan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995) sebagai kerangka analisis utama, khususnya Prinsip Relevans Kognitif dan Prinsip Relevans Komunikatif, bagi meneliti penggunaan leksikal 'ayam' dalam oleh masyarakat Melayu di Brunei dan Melayu di Malaysia. Prinsip ini dapat menjelaskan bagaimana peribahasa yang bersumberkan objek 'ayam' mencerminkan pandangan dunia (*worldview*) dan nilai budaya kedua-dua masyarakat. Melalui pendekatan ini, kajian ini menganalisis hubungan antara peribahasa dengan konteks sosiobudaya, selain mengungkap makna tersirat yang disampaikan melalui peribahasa dalam

komunikasi masyarakat Melayu pada zaman dahulu hingga kini. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memperkaya pemahaman pembaca, khususnya para penyelidik, dan para pembaca amnya tentang peribahasa sebagai refleksi kebijaksanaan dan identiti masyarakat Melayu di Brunei dan masyarakat Melayu di Malaysia.

### **Teori Relevans**

Teori Relevans yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1995) merupakan pendekatan pragmatik kognitif yang menekankan peranan inferens dalam komunikasi. Teori ini berpandukan prinsip bahawa manusia secara semula jadi terdorong untuk memaksimumkan pemahaman dengan usaha pemprosesan yang minimum. Dalam konteks komunikasi, penutur menyampaikan maklumat dengan jangkaan bahawa pendengar akan menafsirkan mesej tersebut berdasarkan petunjuk konteks dan latar semantik yang tersedia. Asas teori ini terletak pada dua prinsip utama: prinsip relevans kognitif, iaitu keupayaan minda manusia untuk mencari maklumat yang relevan; dan prinsip relevans komunikatif, yang menyatakan bahawa setiap ungkapan disampaikan dengan harapan ia cukup relevan untuk diproses oleh pendengar. Oleh itu, makna dalam komunikasi tidak hanya bergantung pada struktur bahasa, tetapi turut melibatkan inferens, konteks, dan niat penutur. Teori ini menyediakan kerangka yang kukuh untuk memahami bagaimana mesej tersirat, seperti yang terdapat dalam peribahasa, dapat ditafsirkan dengan berkesan melalui proses pemahaman yang melibatkan konteks budaya dan sosial.

### **Prinsip Relevans Kognitif**

Prinsip Relevans Kognitif, yang menjadi antara idea utama dalam TR dalam *Relevance: Communication and Cognition* (1986, 1995), menyatakan bahawa sistem kognitif manusia secara semula jadi didorong untuk memaksimumkan relevans dalam proses memahami maklumat. Prinsip ini berasaskan tanggapan bahawa individu akan secara aktif menumpukan perhatian terhadap input yang menawarkan manfaat kognitif yang paling tinggi dengan usaha pemprosesan yang paling rendah (Sperber & Wilson, 1995). Dalam konteks komunikasi, penutur cenderung menghasilkan rangsangan yang dianggap cukup relevan untuk ditafsirkan, manakala pendengar pula akan memilih dan memproses maklumat berdasarkan kebolehannya menjana inferens yang bermakna dalam konteks tertentu. Hasmidar Hassan (2014) menegaskan bahawa kecenderungan ini mendorong penutur menghasilkan input linguistik yang mampu menarik perhatian dan mengaktifkan proses pemaknaan secara efisien. Pendengar akan menafsir mesej tersebut dengan berpandukan andaian konteks yang tersedia, lalu membina kesimpulan pragmatik yang sesuai. Prinsip ini tidak hanya menjelaskan proses pemahaman, malahan turut memperlihatkan bagaimana komunikasi menjadi alat strategik dalam penyampaian makna yang tersirat dan bersifat budaya.

### **Prinsip Relevans Komunikatif**

Prinsip Relevans Komunikatif yang diperkenalkan dalam edisi kedua buku yang sama (1995), menekankan bahawa setiap tindakan komunikasi yang jelas dan nyata mencerminkan anggapan tentang relevans yang optimum. Sperber dan Wilson (1995) menyatakan bahawa setiap tingkah laku komunikasi yang ostensif

menyampaikan andaian relevan yang optimum. Prinsip ini berfokus pada hubungan antara komunikasi dan relevans, iaitu penutur perlu memastikan bahawa rangsangan yang diberikan adalah yang paling relevan dan mudah difahami oleh pendengar. Pemilihan ujaran yang tepat adalah penting untuk memastikan maklumat yang disampaikan relevan dan sesuai dengan konteks, serta dapat menghindarkan interpretasi yang berbeza oleh pendengar. Blackmore (1992) mencadangkan bahawa pendekatan yang berkesan untuk mengelakkan penterpretasian yang salah adalah dengan memilih konteks yang sesuai dan mengurangkan kos pemprosesan ujaran. Dalam konteks kajian ini, analisis akan menekankan bagaimana penggunaan simbol haiwan dalam peribahasa Melayu NBD dan Malaysia memenuhi keperluan masyarakat untuk menyampaikan makna yang relevan, serta bagaimana simbol-simbol tersebut berkaitan dengan pemahaman budaya dan persekitaran masyarakat Melayu Brunei.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan teks Perambahan Brunei (Hadijah Haji Hassan, 2019) dan teks peribahasa Melayu Malaysia (Sapinah Haji Said, 2013), sebanyak 86 perambahan atau peribahasa yang menggunakan leksikal ayam dikenal pasti, iaitu sebanyak 12 perambahan Brunei dan 74 peribahasa Melayu Malaysia. Senarai perambahan dan peribahasa yang dikenal pasti daripada kedua-dua negara yang bersumberkan leksikal ayam adalah seperti berikut:

**JADUAL 1 – Bilangan Perambahan Brunei**

|                                       |
|---------------------------------------|
| 1. Ayam penaling/sabungan             |
| 2. Ayam sigun                         |
| 3. Hidup-hidup ayam/nyawa-nyawa ayam  |
| 4. Lagau-lagau ayam                   |
| 5. Macam ayam mematok padi            |
| 6. Macam gulambir ayam                |
| 7. Macam reban ayam                   |
| 8. Macam seluar memarut ayam          |
| 9. Pacah telur                        |
| 10. Turun-turun ayam                  |
| 11. Macam anak ayam kehilangan indung |
| 12. Macam ayam laki/mengayam laki     |

**JADUAL 2 – Bilangan Perambahan Malaysia**

| Perambahan Malaysia                |                                                            |
|------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| 1. Ayam baru belajar berkokok      | 2. Baik jadi ayam betina supaya selamat                    |
| 3. Ayam berinduk, sirih berjunjung | 4. Baik membawa resmi ayam betina supaya tidak ada bencana |
| 5. Ayam berkokok hari nak siang    | 6. Belum tahu lagi, ayam sedang berлага                    |

| Perambahan Malaysia                                                                     |                                                                                                            |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 7. Ayam beroga itu, jika di pinggan emas sekalipun diberi makan, ke hutan juga perginya | 8. Berketak ayam, tahu akan bertelur atau tidak                                                            |
| 9. Ayam bertelur di atas padi, mati kelaparan                                           | 10. Berketak ayam dalam telur                                                                              |
| 11. Ayam bertelur sebiji riuh sekampung: penyu bertelur seratus tiada seorang pun tahu  | 12. Bertelingkah antan dilesung, ayam juga kenyang                                                         |
| 13. Ayam dapat, musang dapat                                                            | 14. Bertungkus lumus biar di dapur, sifath-an telunjuk dengan kapur: arang jangan dibuat pupur, kelak ayam |
| 15. Ayam diasak malam                                                                   | 16. Cabik-cabik bulu ayam                                                                                  |
| 17. Ayam ditambat: disambar helang                                                      | 18. Carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga                                                        |
| 19. Ayam ditambat dlsambar helang, padi ditanam tumbuh                                  | 20. Carik-carik bulu ayam: lama-lama jereket semula                                                        |
| 21. Ayam hitam terbang malam (hinggal di pokok pandan: begerese ada, rupanya tiada)     | 22. Dilapur ayam betina                                                                                    |
| 23. Ayam itu raja ditempatnya                                                           | 24. Ibarat ayam; tiada mengais tiada makanan                                                               |
| 25. Ayam laga sekandang                                                                 | 26. Itik tak sudu, ayam tak patuk                                                                          |
| 27. Ayam terlepas: tangan berbau tahi                                                   | 28. Jemur tekekar ayam tiba                                                                                |
| 29. Ayam menang, kampung tergadai                                                       | 30. Kalau kucing keular tanduk barulah ayam boleh bersusu                                                  |
| 31. Ayam menetaskan telur itik, anaknya itu Suka ke air                                 | 32. Ketumbi tahi ayam                                                                                      |
| 33. Ayam patuk anaknya                                                                  | 34. Macam reban ayam                                                                                       |
| 35. Ayam pelesung                                                                       | 36. Mati ayam, mati tungaunya                                                                              |
| 37. Ayam pulang ke lumbung, itik pulang ke pelimbahan                                   | 38. Menggantang anak ayam                                                                                  |
| 39. Ayam pulang ke pantan                                                               | 40. Menggeli induk ayam                                                                                    |
| 41. Ayam putih terbang siang (hinggal di halaman, terang pada mata orang banyak)        | 42. Menghalau ayam di lesung                                                                               |
| 43. Ayam seekor bertambang dua                                                          | 44. Menjunjung sangkak ayam                                                                                |
| 45. Ayam sudah patah, kalau-kalau dapat menikam                                         | 46. Panas-panas tahi ayam                                                                                  |
| 47. Ayam temobolol berisi senang hati                                                   | 48. Rabun ayam                                                                                             |
| 49. Ayam tidur senang dalam reban, musang yang susah beredar keliling                   | 50. Seciap bak ayam, sedencing bak besi                                                                    |

| Perambahan Malaysia                                                    |                                                                  |
|------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|
| 51. Ajak-ajak ayam                                                     | 52. Sepantun helang dengan ayam, lambat laun disambar juga       |
| 53. Bagai ayam dibawa ke lampuk                                        | 54. Seperti anak ayam kehilangan ibu                             |
| 55. Bagai ayam dimakan tungau                                          | 56. Seperti ayam bertelur di atas padi                           |
| 57. Bagai ayam disambar helang                                         | 58. Seperti ayam dara bertelur                                   |
| 59. Bagai ayam kecundang                                               | 60. Seperti ayam hendak bertelur                                 |
| 61. Bagai ayam lepas bertaji                                           | 62. Seperti ayam; kais pagi makan pagi, kais petang makan petang |
| 63. Bagai ayam mabuk tahi                                              | 64. Seperti ayam; kais pagi makan pagi; kais petang makan        |
| 65. Bagai ayam mengeram telur                                          | 66. Seperti ayam sabung                                          |
| 67. Bagai ayam si tombong, kokok berderai-derai, ekor bergelumang tahi | 68. Seperti ayam termakan rambut                                 |
| 69. Bagai mengira anak ayam                                            | 70. Tersabung akan induk ayam                                    |

Walau bagaimanapun, untuk tujuan penulisan makalah ini, hanya 3 perambahan/peribahasa Melayu yang dianalisis dengan lebih lanjut untuk memahami bentuk, maksud tersirat dan elemen sosiobudaya serta fungsi peribahasa yang melingkari perambahan dan peribahasa ini. Perambahan atau peribahasa yang dianalisis, dikelaskan seperti berikut:

- Peribahasa yang sama bentuk dan sama makna.
- Peribahasa yang tidak sama bentuk tetapi mendukung maksud yang sama.
- Peribahasa yang berbeza bentuk dan maknanya.

### Peribahasa yang sama bentuk dan sama makna.

Dalam bahagian ini, analisis dan perbincangan tertumpu pada perambahan Melayu Brunei dan peribahasa Melayu Malaysia yang sama bentuk dan sama makna. Peribahasa yang dimaksudkan diberikan dalam jadual 3 yang berikut:

**Jadual 3: Peribahasa yang sama bentuk dan sama makna**

| Bil | Perambahan Brunei | Makna                               | Perambahan Malaysia | Makna                               |
|-----|-------------------|-------------------------------------|---------------------|-------------------------------------|
| 1   | Macam reban ayam  | Terlalu sempit dan kecil (kediaman) | Macam reban ayam    | Terlalu sempit dan kecil (kediaman) |

Peribahasa yang digunakan di Malaysia dan di Brunei yang dikenal pasti mempunyai bentuk dan maksud yang sama ialah 'macam reban ayam'. Berdasarkan kedua-dua teks sumber data ini, peribahasa ini bermaksud 'terlalu sempit dan kecil (bagi kediaman)' bagi menggambarkan keadaan tempat tinggal yang sempit dan tidak selesa. Ternyata, peribahasa ini terhasil oleh pengalaman dan pengamatan

penciptanya terhadap persekitaran sosial dan budaya yang sama. Dengan kata lain, penciptaan peribahasa ini didasari oleh pengalaman yang sama dan hubungan yang rapat dengan aktiviti pemeliharaan ayam dan konsep reban ayam. Sebagai contoh, penggunaan peribahasa dalam ayat yang diberikan dalam Perambahan Brunei (2019) ialah "Tempat tinggalnya itu macam reban ayam". Dalam ayat ini, reban ayam digunakan sebagai domain sumber untuk dibandingkan dengan keadaan tempat tinggalnya.

Berdasarkan pengalaman dan pengamatan terhadap aktiviti penternakan ayam orang Melayu, reban ayam merujuk tempat tinggal ayam yang bersaiz kecil yang digunakan untuk memelihara ayam pada zaman dahulu. Biasanya, reban ayam dibuat dalam saiz yang kecil untuk menempatkan beberapa ekor ayam sahaja. Pada zaman dahulu, konsep penternakan dalam skala besar mungkin belum wujud dan ayam dipelihara untuk sumber makanan sendiri sahaja. Noorhayati Mohidin (2013) menjelaskan bahawa peribahasa ini lahir daripada pengalaman masyarakat Melayu tradisional yang sering membina reban ayam kecil bagi memenuhi keperluan penternakan domestik. Oleh itu, apabila seseorang membandingkan keadaan tempat tinggal dengan reban ayam, maka perbandingan ini membawa makna bahawa rumah tersebut sangat kecil, sempit, dan mungkin tidak selesa untuk didiami.

Dari segi maknanya yang tersirat, peribahasa ini bukan sahaja menggambarkan tempat tinggal yang sempit secara fizikal, malahan boleh membawa maksud lain, yang bergantung pada konteks penggunaannya. Sebagai contoh, ungkapan "rumahnya macam reban ayam" bukan sahaja merujuk saiz kediaman atau tempat tinggal yang kecil, malahan boleh memberikan gambaran tentang keadaan rumah yang tidak tersusun, berselerak, atau kurang selesa dari segi susun atur dan kebersihan. Contoh lain penggunaan peribahasa yang dijana daripada Korpus DBP adalah seperti berikut:

*(i) Kata mereka itu membukakan pintu Malaya itu serupalah dengan perbuatan membukakan reban ayam kepada musang atau ular. CERPEN-CERPEN PAK SAKO. Sastera, 1995.*

Ternyata reban ayam ini bukanlah hanya bermaksud 'terlalu sempit dan kecil (kediaman) sebaliknya, peribahasa dalam contoh (i) bermaksud membuka ruang (yang banyak sumber makanan/atau faedah lain) kepada musang atau ular (orang luar yang dianggap sebagai pemangsa/ yang mencari mangsa).

Dalam kajian tentang simpulan bahasa, Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Mohd. Rasdi Saamah (2013) menjelaskan bahawa "deg puk" dalam masyarakat Orang Semai merujuk "reban ayam" dan digunakan untuk melambangkan bentuk rumah yang dibina oleh seseorang yang bukan tukang rumah, dan menggambarkan ketidaksempurnaan hasil binaan tersebut. Dalam konteks ini, ternyata, 'reban ayam' digunakan sebagai satu bentuk kiasan untuk menyatakan ketidaksesuaian sesuatu ruang dengan jumlah penghuninya, atau untuk menggambarkan keadaan kehidupan yang penuh sesak, seperti rumah setinggan atau rumah pangsa yang dihuni oleh ramai orang.

Penciptaan peribahasa di kedua-dua negara ternyata sangat dipengaruhi oleh persekitaran budaya dan sosialnya. Di Malaysia, peribahasa ini bukan sahaja

digunakan untuk menunjukkan ruang yang sempit dan terhad, malahan boleh mendukung maksud kotor, tidak teratur dan tidak kemas. Misalnya, tajuk berita yang dipetik daripada <https://gempak.com/berita-terkini/pelamin-macam-reban-ayam-bakal-pengantin-tolong-baca-jangan-kena-con-wedding-planner-cap-ayam-27730>, iaitu 'Pelamin Macam Reban Ayam - Bakal Pengantin Tolong Baca, Jangan Kena 'Con' Wedding Planner Cap Ayam!' menunjukkan bahawa maksud peribahasa ini dapat diperluas dan harus difahami berdasarkan konteks keseluruhan ujaran.

Bagi masyarakat Melayu di Brunei, maksud peribahasa ini ternyata tidak jauh berbeza kerana ia juga merujuk rumah kayu yang bersaiz kecil dan mungkin dihuni oleh banyak ahli keluarga. Menurut Noorhayati Mohidin (2013), konsep "reban ayam" digunakan sebagai analogi kerana masyarakat Melayu Brunei terdahulu sering memelihara ayam dan membina reban ayam yang kecil. Peribahasa ini membolehkan kiasan ini mudah difahami oleh masyarakat Melayu Brunei yang mempunyai latar belakang budaya dan sosial yang tidak jauh berbeza daripada masyarakat Melayu di Malaysia.

Dari sudut pragmatik, penggunaan peribahasa ini merupakan bentuk yang sangat menonjol dan mudah untuk diproses serta difahami oleh pendengar kerana rata-rata masyarakat Melayu pada zaman dahulu mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang sama (*mutual knowledge*) tentang 'reban ayam' pada masa itu. Oleh itu, penggunaan peribahasa ini dalam komunikasi pastinya tidak memerlukan usaha memproses yang tinggi oleh pendengar dan pendengar dapat mencapai kesan kognitif yang secara langsung membolehkan mereka mencapai relevans yang optimum juga. Hal ini selaras dengan prinsip relevans komunikatif yang menegaskan bahawa tingkah laku atau rangsangan yang ostensif menyampaikan suatu andaian relevans yang optimum. Ertinya, penggunaan peribahasa 'macam reban ayam' ini merupakan bentuk bahasa yang ostensif (menonjol) yang memudahkan pendengar memproses dan memahami maksud yang ingin disampaikan. Sebagai penutur atau pengguna yang menggunakan peribahasa ini pula, pastinya penutur ini yakin ujaran yang disampaikannya dapat difahami dengan mudah kerana masing-masing berkongsi pengalaman yang sama. Selaras dengan prinsip relevans kognitif yang menyatakan bahawa kognisi manusia cenderung untuk mencapai relevans yang optimum, maka penutur menggunakan peribahasa ini sebagai bentuk bahasa yang menonjol (ostensif) yang dapat diinterpretasi dan dapat difahami dengan mudah oleh pendengar.

Dalam konteks sosial, peribahasa ini dapat berfungsi sebagai bentuk sindiran, kritikan sosial, atau peringatan yang sangat jelas pada pendengar atau pembaca. Dengan menggunakan teori Relevans, kita dapat memahami bahawa pemahaman peribahasa ini bergantung pada pengalaman individu dan latar belakang sosial mereka iaitu bagi seseorang yang pernah melihat atau memiliki reban ayam, imej mental tentang ruang yang sempit dan tidak teratur akan muncul dengan jelas apabila mendengar peribahasa ini. Dalam pada itu, bagi seseorang yang tidak pernah melihat reban ayam secara fizikal, mereka masih dapat memahami maksud tersirat melalui maklumat konteks yang wujud dalam sesuatu ujaran tersebut. Oleh itu, keberkesanan peribahasa ini bergantung pada sejauh mana penerima mesej dapat menghubungkan

maklumat yang diberikan dengan pengalaman peribadi dan pengetahuan budaya mereka.

Penggunaan peribahasa yang bersumberkan leksikal 'ayam' ini ternyata dapat menyampaikan maksud yang dihayati oleh penutur kepada pendengar atau pembaca dengan usaha memproses yang minimum (dengan merujuk masyarakat Melayu pada zaman dahulu) kerana imej reban ayam ternyata sangat dekat dengan persekitaran sosial masyarakat Melayu pada ketika itu.

### Peribahasa yang tidak sama bentuk tetapi mendukung maksud yang sama

Dalam bahagian yang seterusnya, analisis dan perbincangan tertumpu pada peribahasa yang tidak sama bentuk tetapi mendukung maksud yang sama seperti yang disenaraikan dalam jadual 4.

**Jadual 4: Peribahasa yang tidak sama bentuk tetapi mendukung maksud yang sama**

| Bil | Perambahan Brunei                        | Makna                                | Peribahasa Malaysia                     | Makna                                                         |
|-----|------------------------------------------|--------------------------------------|-----------------------------------------|---------------------------------------------------------------|
| 1   | <u>Lagau-lagau</u> ayam                  | Ajakan yang tidak bersungguh-sungguh | <u>Ajak-ajak</u> ayam                   | Mempelawa secara tidak bersungguh-sungguh                     |
| 2   | Macam anak ayam kehilangan <u>indung</u> | Hilang tempat bergantung             | Seperti anak ayam kehilangan <u>ibu</u> | Rakyat kehilangan pemimpin atau berpisah dengan sahabat karib |

Berdasarkan jadual 4, data yang dipilih ialah 'Lagau-lagau ayam' dalam perambahan Brunei dan 'Ajak-ajak ayam' dalam peribahasa Melayu Malaysia. Kedua-dua peribahasa ini dipilih kerana meskipun bentuk linguistiknya berbeza, namun kedua-duanya mendukung maksud yang hampir sama, iaitu menggambarkan tindakan mengajak atau mempelawa seseorang secara tidak bersungguh-sungguh. Secara literalnya, perkataan "lagau" dalam perambahan Brunei bermaksud perbuatan 'memanggil' dan "ajak-ajak" dalam peribahasa Malaysia bermaksud perbuatan 'mengajak'. Kedua-dua peribahasa ini ternyata mendukung maksud yang sama, dan yang berbeza hanyalah leksikal atau perkataan yang digunakan dalam kedua-dua peribahasa. Hal ini pastinya didorong oleh pilihan dan kelaziman penutur dialek bahasa Melayu menggunakan kata 'lagau' dan 'ajak-ajak' bagi maksud 'memanggil' dan 'mengajak' di kedua-dua negara tersebut. Berdasarkan teks sumber data peribahasa, iaitu Perambahan Brunei (2019) dan Peribahasa Melayu (2013), maksud yang diberikan bagi 'Lagau-lagau Ayam' dan 'Ajak-ajak ayam' ialah 'Ajakan yang tidak bersungguh-sungguh' dan 'Mempelawa yang tidak bersungguh-sungguh'. Contoh ayat yang diberikan dalam Perambahan Brunei (2019) ialah "Ahmad menolak ajakan Ali kerana dia tahu itu hanyalah lagau-lagau ayam, manakala contoh ayat

dalam Peribahasa Malaysia ialah “Mujur dia tidak mahu mengikut saya kerana saya hanya ajak-ajak ayam” (<https://maksudperibahasa.com/ajak-ajak-ayam/>).

Dari sudut maknanya yang tersirat pula, ‘Lagau-lagau ayam’ dan ‘Ajak-ajak ayam’ yang dijadikan kiasan bagi menyatakan maksud ‘ajakan yang tidak bersungguh-sungguh’ pastinya didasari oleh pengalaman dan pengamatan pencipta peribahasa ini terhadap tingkah laku ayam di sekitar mereka. Dalam konteks masyarakat Melayu Brunei, lagau merujuk bunyi yang dihasilkan oleh ayam ketika makan seolah-olah mengajak ayam lain untuk makan bersama-samanya tetapi pada masa yang sama menidakkannya (Azura Halid, 2023). Dengan kata lain, "lagau-lagau ayam" menggambarkan bunyi ayam yang sedang makan seolah-olah memanggil ayam lain untuk makan bersama-sama tetapi tidak jelas niatnya. Konsep yang sama diperhati pada maksud peribahasa Melayu Malaysia. Pastinya, masyarakat dahulu memerhati dan mengamati tingkah laku yang sama pada ayam dan tingkah laku ini dijadikan sandaran sebagai kiasan untuk merujuk tingkah laku manusia yang berperangai sama. Kedua-dua peribahasa ini ternyata mendukung makna tersirat tentang ajakan atau pelawaan yang dibuat tanpa keikhlasan atau kesungguhan. Ia sering digunakan untuk menggambarkan situasi seseorang yang mengajak atau mempelawa orang lain tetapi sebenarnya tidak mengharapkan pelawaan itu diterima (tujuannya hanyalah sebagai pemanis mulut). Hal ini secara jelas mencerminkan latar tempat, latar fizikal dan persekitaran alam (flora dan fauna) amat mempengaruhi penciptaan peribahasa oleh masyarakat dahulu kala. Keadaan ini juga secara tidak langsung menonjolkan elemen pragmatik dalam kognitif orang Melayu dalam berbahasa.

Penggunaan kiasan seperti ini merupakan suatu bentuk bahasa yang mudah diproses dan difahami oleh pendengarnya serta dapat memberikan kesan yang cukup jelas kepada pembaca. Kenyataan ini selaras dengan pandangan teori Relevans (TR) yang menekankan kepentingan pengetahuan bersama dalam memahami sesuatu ujaran. Sebagai penutur yang bermatlamat agar ujaran atau maklumatnya difahami, pastinya penutur akan berusaha menggunakan bahasa yang mudah difahami dan diyakini dapat diproses dengan usaha pemprosesan yang rendah (dalam TR dianggap sebagai kos) (Sperber & Wilson, 1995). Apabila kos pemprosesan ini rendah, pendengar akan mencapai tahap relevan yang optimum. Penutur yakin bahawa pendengar akan dapat memahami peribahasa seumpama ini kerana wujudnya perkongsian latar pengalaman, termasuk latar tempat dan latar sosial antara kedua-dua pihak. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu dahulu sangat dekat dengan alam sekitar dan kehidupan haiwan peliharaan seperti ayam, lembu, kambing, dan burung. Setiap ciri dan tingkah laku haiwan ini tersimpan kemas dalam kotak fikiran masyarakat, dan dengan mudah dapat dirujuk semula apabila mereka perlu memproses ujaran yang bersifat kiasan seperti peribahasa. Dari segi penggunaannya, peribahasa lazimnya dituturkan dalam konteks yang jelas untuk merujuk tingkah laku manusia yang menyerupai kelakuan haiwan tersebut. Konteks pertuturan inilah yang menjadi petunjuk (klu) kepada pendengar dalam memproses makna ujaran penutur dengan lebih mudah. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa imej yang dibina melalui perlakuan ayam, sebagai contoh, adalah mudah difahami dalam kalangan penutur Melayu.

Dari sudut prinsip komunikatif pula, peribahasa membolehkan penutur menyampaikan teguran atau kritikan secara halus dan sopan, selaras dengan nilai kesantunan budaya Melayu. Penutur menjangkakan bahawa pendengar akan menafsirkan peribahasa tersebut sebagai amaran halus atau teguran tidak langsung, dan bukan sesuatu yang harus difahami secara literal. Dengan kata lain, mesej yang disampaikan adalah relevan, dan bergantung pada konteks pertuturan. Menurut Sperber dan Wilson (1995), pemahaman peribahasa memerlukan pendengar membuat inferens berdasarkan konteks budaya dan sosial. Usaha pemprosesan yang diperlukan adalah rendah kerana imej 'ayam' dalam peribahasa begitu dekat dengan pengalaman hidup masyarakat Melayu. Hasilnya, makna tersirat dapat difahami dengan mudah, sementara kesan kognitif yang diperoleh adalah tinggi kerana pendengar segera memahami bahawa ajakan atau sindiran tersebut bersifat tidak literal dan mengandungi maksud tersembunyi yang penuh makna.

Satu daripada fungsi peribahasa dalam pertuturan orang Melayu adalah untuk memuji, menegur atau menyindir dengan cara yang paling mulia tanpa mengaibkan golongan sasaran. Hal ini berkait rapat dengan adab, nilai moral, realiti kehidupan dan pemikiran tinggi bangsa Melayu (Azura Halid, 2023). Dalam konteks ini, kedua-dua peribahasa Brunei dan Malaysia mendukung fungsi yang sama. Penggunaan peribahasa 'Lagau-lagau ayam' dan 'Ajak-ajak ayam' digunakan dengan tujuan mengkritik atau menyindir dengan cara yang sopan namun sangat memberikan kesan kerana tingkah laku manusia itu disamakan dengan haiwan. Apabila manusia itu disamatarafkan dengan tingkah laku haiwan, pastinya teguran tersebut akan memberikan kesan yang mendalam. Peribahasa ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sangat sensitif dan dapat menilai dan mengenal pasti keikhlasan orang Melayu dalam soal 'menjemput', 'mempelawa' dan 'mengundang' ke acara atau majlis tertentu. Walaupun yang mengundang itu sekadar menandakan hormat dan menjaga hubungan sosial dan adab sopan, namun sebagai masyarakat yang sangat peka dan cakna, keikhlasan itu dapat diamati. Yang lebih menarik ialah kedua-dua peribahasa yang sama maksudnya wujud dalam masyarakat Melayu Brunei dan Melayu Malaysia. Ternyata, masyarakat Melayu di kedua-dua negara mencerap tingkah laku alam yang sama, berkongsi pengalaman yang sama, dan menjunjung nilai serta norma yang sama. Melalui peribahasa, kita dapat memahami ketinggian budi, falsafah hidup dan pemikiran Melayu yang memerhati sesuatu yang dialami sebagai perlambangan dalam kehidupan harian (Koh Boh Boon, 1992).

Menurut Shaiful Bahri Md Razi (2019), peribahasa "Ajak-ajak ayam" dan "Lagau-lagau ayam" dalam tradisi peribahasa Melayu menunjukkan bagaimana unsur ayam sering digunakan sebagai metafora untuk menggambarkan tingkah laku sosial manusia yang licik, penuh tipu daya dan pura-pura. Kedua-dua peribahasa ini merujuk tindakan mengajak seseorang dengan tidak ikhlas, dan niat sebenar bertentangan dengan kata-kata yang diucapkan. Kedua-dua peribahasa ini, yang seiring dengan pelbagai ungkapan dalam Kitab Kiliran Budi, mencerminkan strategi tipu daya dalam masyarakat Melayu, iaitu individu menggunakan kata-kata manis dan sikap berpura-pura untuk mencapai tujuan secara tidak jujur, sekaligus

menyerlahkan komunikasi pragmatik yang berlapis dalam menyampaikan nasihat dan peringatan melalui sindiran.

Oleh itu, peribahasa ini dapat memperlihatkan sindiran terhadap keikhlasan dalam komunikasi sosial sering kali muncul dalam bentuk ungkapan yang halus, iaitu seseorang mungkin berpura-pura mesra atau berbuat baik tanpa niat yang tulus. Dalam masyarakat Melayu, tindakan ini dapat dilihat sebagai refleksi terhadap norma-norma sosial yang mengutamakan penampilan luar dibandingkan dengan keikhlasan dalam hubungan. Situasi ini boleh mencipta ketegangan yang tersembunyi antara individu, kerana ajakan yang dibuat tidak lebih daripada sekadar formaliti, mencerminkan konflik antara apa yang ditunjukkan dan apa yang sebenarnya dirasakan. Dalam konteks yang lebih luas, sindiran ini juga boleh digunakan dalam situasi humor atau sebagai peringatan untuk menegur tingkah laku yang tidak konsisten, menunjukkan bahawa komunikasi yang bermakna sering kali melibatkan lebih daripada sekadar kata-kata yang diucapkan.

### Peribahasa yang berbeza bentuk dan maknanya

Perbincangan dalam bahagian yang seterusnya pula tertumpu pada peribahasa yang mempunyai bentuk dan makna yang berbeza. Peribahasa yang dimaksudkan disenaraikan dalam jadual 5.

**Jadual 5: Peribahasa yang berbeza bentuk dan maknanya**

| Bil | Perambahan Brunei   | Makna                                                      | Peribahasa Malaysia            | Makna                                                                                                       |
|-----|---------------------|------------------------------------------------------------|--------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Ayam sigun          | Orang yang handal, pendekar atau orang yang suka berkelahi | Ayam laga sekandang            | Orang yang bersanak saudara apabila berkelahi tidak perlu dicampuri kerana mereka akan berbaik semula nanti |
| 2   | Macam gulambir ayam | Kulit kendur dan berkedut                                  | Seperti ayam dimakan tungau    | Kurus dan pucat akibat penyakit                                                                             |
| 3   | Pacah ayam          | Tidak dapat melihat waktu senja                            | Ayam ditambat, disambar helang | Sesuatu yang sudah dimiliki tiba-tiba dirampas orang lain                                                   |
| 4   | Macam ayam laki     | Berlagak sombong ditempat orang                            | Ayam itu raja ditempatnya      | Seseorang berkuasa di tempat sendiri                                                                        |

Dalam Jadual 5 di atas, perambahan Brunei dan peribahasa Melayu Malaysia yang tidak sama bentuk dan maknanya disenaraikan untuk rujukan pembaca. Namun, untuk tujuan analisis dalam bahagian ini, data yang dipilih ialah 'Ayam sigun' dan (Perambahan Brunei) dan 'Ayam laga sekandang' (peribahasa Malaysia).

Ayam sigun dalam perambahan Brunei (Hadijah Haji Hassan, 2019) bermaksud seseorang yang handal, berani, atau pendekar, atau orang yang suka berkelahi. Contoh ayat yang diberikan bagi Perambahan Brunei (2019) ialah “Dia ialah ayam sigun di kampung itu”. Sementara ‘Ayam laga sekandang’ daripada peribahasa Malaysia (Sapinah Haji Said, 2013) bermaksud orang yang bersanak saudara apabila berkelahi tidak perlu dicampuri kerana mereka akan berbaik semula nanti. Contoh ayat yang diberikan dalam Peribahasa Malaysia (2013) ialah “Perbalahan antara Samad dengan Mat Zin yang bersaudara itu tidak lama, tidak perlulah kita campuri kerana ayam laga sekandang”. Kedua-dua peribahasa ini dipilih kerana kedua-duanya menggunakan objek yang sama iaitu ‘ayam’, namun bentuk dan maknanya berbeza. Di sebalik penggunaan kedua-dua peribahasa ini, tercermin nilai sosiobudaya masyarakat Melayu di rantau ini.

Dari sudut maknanya yang tersirat, ‘Ayam sigun’ dan ‘Ayam laga sekandang’ dijadikan kiasan kerana tingkah laku ayam yang dicerap masyarakat zaman dahulu ternyata dapat memeri tingkah laku manusia juga. Hubungan manusia dengan alam khususnya ayam yang menjadi haiwan ternakan dan sumber protein sememangnya tidak dapat dinafikan sehingga begitu banyak peribahasa berkaitan dengan ayam muncul dalam masyarakat Melayu. Setiap anggota badan, gerak-geri, perlakuan, jenis habitat, makanannya, penyakit, musuhnya diamati orang Melayu dan daripada pemerhatian inilah masyarakat dahulu dapat betul-betul memahami dengan mendalam sifat ayam sehingga objek ayam dijadikan sandaran dalam peribahasa orang Melayu. Dalam konteks peribahasa ‘Ayam sigun’, pemilihan ayam sigun sebagai objek kiasan oleh sebab fizikalnya dan sifatnya yang dapat dikiaskan pada fizikal dan sifat manusia juga. Menurut Wan Norasikin Wan Ismail, A. Latif Samian dan Nazri Muslim (2016), ‘Ayam sigun’ membawa makna yang mendalam dan menggambarkan seseorang yang hebat, tangkas, dan berani, terutamanya dalam konteks pergaulan sosial atau kepahlawanan. Hal ini secara tidak langsung mencerminkan nilai dan sudut pandang masyarakat Melayu yang memandang tinggi sifat, kebolehan, keyakinan diri, dan kekuatan fizikal atau mental sebagai ciri unggul seorang lelaki. Bagi ‘Ayam laga sekandang’ pula, yang bermaksud ayam daripada kandang atau reban yang sama berlaga sesama sendiri tidak akan berterusan kerana apabila waktu senja, kesemua ayam ini akan sama-sama masuk ke reban dan perlagaan itu pun berhentilah. Perambahan ini juga mencerminkan pengamatan yang mendalam masyarakat Melayu Brunei pada zaman dahulu yang memelihara ayam sebagai haiwan ternakan. Hanya penternak ayam sahaja yang akan benar-benar dapat memerhati tingkah laku ayam dengan perinci, yang melibatkan kitaran hidup ayam hingga tingkah laku ayam dalam setiap aktiviti. Sebagai contoh, tingkah laku ayam yang bercakaran dan bergaduh kerana merebutkan makanan atau tingkah laku ayam yang mengeram telurnya, tingkah laku ayam yang berkokok apabila fajar sudah kelihatan dan keadaan ayam yang masuk ke reban atau kandang. Ternyata, maksud peribahasa ini mencerminkan nilai, kebijaksanaan akal budi, identiti dan pandangan dunia masyarakat Melayu Brunei dan Malaysia yang memanfaatkan objek ayam dalam perambahan dan peribahasa sebagai kiasan terhadap tingkah laku manusia.

Penggunaan peribahasa seperti ‘Ayam sigun’ dan ‘Ayam laga sekandang’ memperlihatkan bagaimana kiasan bersumberkan haiwan digunakan untuk menyampaikan mesej yang lebih mendalam secara tersirat demi menjaga air muka

dan tidak menyinggung perasaan. Hal ini sejajar dengan prinsip utama dalam teori Relevans, yang menekankan bahawa ujaran yang digunakan oleh penutur haruslah mudah diproses dan difahami oleh pendengar, serta mampu memberikan kesan kognitif yang tinggi dengan usaha pemprosesan yang minimum. Menurut teori Relevans (Sperber & Wilson, 1995), bagi menjamin komunikasi yang berkesan antara penutur dan pendengar, maka penutur haruslah memilih bentuk bahasa yang diyakini paling mudah untuk difahami oleh pendengar. Dalam konteks peribahasa 'Ayam sigun' dan 'Ayam laga sekandang', kedua-dua peribahasa ini telah menjadi sebahagian daripada pengetahuan kolektif (pengetahuan bersama) komuniti masing-masing. Penutur dalam kedua-dua budaya Melayu ini sama ada di Brunei mahupun di Malaysia bercakap dalam konteks budaya yang kaya dengan interaksi alam dan haiwan. Dalam konteks masyarakat Melayu tradisional, haiwan seperti ayam bukan sahaja dekat secara fizikal, malahan dekat juga secara kognitif. Oleh itu, apabila penutur menggunakan peribahasa tersebut, pendengar dengan serta-merta dapat membuat inferens berdasarkan pengalaman bersama dan konteks sosial mereka yang sama.

Dari sudut prinsip relevans kognitif, kedua-dua peribahasa ini dapat difahami dengan mudah kerana gambaran 'ayam' yang digunakan sama ada ayam yang kelihatan pasif tetapi menyimpan kekuatan tersembunyi (ayam sigun), atau ayam yang sering bertarung walaupun tinggal bersama (ayam laga sekandang) sudah tersimpan kukuh dalam memori budaya masyarakat ketika itu. Oleh itu, pendengar akan dapat memproses ujaran ini dengan mudah kerana ia tidak melibatkan usaha pemprosesan yang tinggi. Oleh sebab usaha memprosesnya rendah, maka kesan kognitif yang diterima adalah tinggi dan sekaligus membolehkan pendengar mencapai relevans yang optimum. Bentuk peribahasa sebegini (yang didasari oleh objek tumbuhan dan haiwan) merupakan bentuk-bentuk bahasa yang jelas menonjol atau nyata kerana masyarakat pada waktu itu berkongsi aktiviti dan persekitaran yang sama. Keadaan dan aktiviti sosial pada zaman itu masih agak tertutup dan tidak rencam seperti zaman sekarang. Dari sudut pragmatik yang luas, peribahasa ini membolehkan penutur menyampaikan pemerhatian sosial secara tidak langsung dan halus. Sebagai contoh, penggunaan 'Ayam sigun' bukan sekadar pujian secara langsung, malahan bersifat kiasan yang menggambarkan seseorang yang memiliki kemahiran dan keberanian yang luar biasa, manakala 'ayam laga sekandang' menyindir dua individu yang sering bertelingkah meskipun mempunyai hubungan rapat. Kedua-dua ujaran ini bersifat pragmatik dan bergantung pada konteks sosial tertentu untuk difahami sepenuhnya. Pendengar yang berkongsi latar budaya dan sosial yang sama akan segera memahami bahawa peribahasa ini bukan hanya menggambarkan haiwan semata-mata, malahan mendukung makna tersirat yang berkaitan dengan tingkah laku manusia. Hal ini menjadikan peribahasa tersebut sangat relevan, kerana ia bukan sahaja mudah difahami, malahan berkesan untuk menyampaikan pemerhatian atau sindiran sosial dalam bentuk yang sopan dan berlapik, sejajar dengan nilai-nilai kesantunan masyarakat Melayu juga. Oleh itu, berdasarkan kerangka teori Relevans, kedua-dua peribahasa ini berfungsi dengan baik kerana usaha pemprosesan yang rendah, kesan kognitif yang tinggi, dan relevans pada pendengar, sesuai dengan nilai budaya masyarakat penuturnya.

Peribahasa dalam masyarakat kita bukan sahaja berfungsi sebagai ungkapan yang indah, malahan menonjolkan nilai budaya yang tinggi serta memainkan peranan penting dalam komunikasi sosial (Tenas Effendy, 2002). Dalam hal ini, peribahasa "Ayam sigun" berfungsi untuk menaikkan imej dan reputasi seseorang secara simbolik, sekaligus memperkukuh budaya kepahlawanan dan penghormatan terhadap keberanian serta watak ideal seorang lelaki atau pejuang dalam masyarakat Brunei. Di sisi lain, "Ayam laga sekandang" mencerminkan nilai toleransi dan pemulihan hubungan kekeluargaan, berfungsi untuk menenangkan keadaan dalam konflik dan memperkukuh keakraban dalam masyarakat Malaysia. Dengan demikian, peribahasa berperanan sebagai alat komunikasi sosial yang kaya dengan mesej budaya, emosi, dan nilai, mencerminkan cara masyarakat kita memahami dan menghayati hubungan antara individu dan komuniti.

Menurut Wan Norasikin Wan Ismail, A. Latif Samian dan Nazri Muslim (2016) ayam jantan (ayam sigun) membawa ikon kehebatan dan ketangkasan, tidak bertanggungjawab, suka mencari masalah dan permusuhan. Hal ini dapat dilihat dalam simpulan bahasa 'ayam sigun' yang merujuk seorang lelaki yang handal tetapi suka berkelahi, manakala 'ayam laga' dijelaskan sebagai ayam yang pantang mendengar lawannya berkokok lalu ayam tersebut akan cepat menyahut kokokan itu. Kebanyakan ayam laga ini berekor panjang dan ada kalanya meleret ke tanah. Oleh sebab ekornya yang panjang, hujungnya mudah dilekati tahi. Tingkah laku inilah yang dikaitkan dengan 'masalah sendiri tidak dapat diselesaikan'.

Kedua-dua peribahasa 'ayam sigun' (dari Brunei) dan 'ayam laga sekandang' (dari Malaysia) menggambarkan bagaimana satu objek, iaitu 'ayam', dapat berkembang dan dimanfaatkan dalam peribahasa dengan maksud yang berbeza berdasarkan pengalaman dan pengamatan masyarakat Melayu terdahulu dan dapat difahami berdasarkan konteks budaya, pengalaman kolektif masyarakat, dan situasi pertuturan. Melalui pendekatan teori Relevans, kita dapat memahami bahawa pemaknaan peribahasa ini terhasil daripada proses interpretasi yang bergantung pada pengetahuan sedia ada, struktur mental budaya, dan tujuan komunikasi penutur. Hal ini menunjukkan bahawa peribahasa bukan sekadar ungkapan estetik, malahan mengandungi strategi komunikasi yang halus, pengekodan nilai budaya, dan mekanisme kesantunan pragmatik yang berkesan dalam masyarakat Melayu juga, yang membantu membina hubungan sosial dan menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

### **Implikasi Kajian**

Kajian ini memperkukuh kefahaman bahawa peribahasa bukan hanya medium estetika bahasa, malahan wadah kognitif dan budaya yang mengandungi strategi komunikasi tersirat. Persamaan antara kedua-dua kumpulan peribahasa memperlihatkan kesinambungan pandangan dunia Melayu, manakala perbezaannya menunjukkan keanjalan budaya. Kajian ini memperluas aplikasi Teori Relevans dalam memahami struktur makna budaya dan inferens pragmatik dalam wacana tradisional Melayu.

### **Cadangan Penyelidikan Lanjutan**

Bagi memperkaya kajian seumpama ini, disarankan agar kajian lanjutan dilakukan terhadap objek haiwan lain dan tumbuhan juga yang melibatkan dimensi kuantitatif

bagi menganalisis corak penggunaan dalam korpus semasa. Penyelidikan juga boleh diperluas kepada dimensi perbandingan rentas budaya seperti antara masyarakat Melayu di Malaysia, di Brunei dan di Indonesia. Ketersebaran Melayu di negara Indonesia yang cukup luas memungkinkan lebih banyak cerminan sosiobudaya daripada objek.

## PENUTUP

Kajian ini meneliti penggunaan leksikal 'ayam' dalam peribahasa Melayu Brunei dan Malaysia sebagai lambang budaya yang sarat dengan nilai simbolik, pragmatik, dan kognitif. Dengan menggunakan pendekatan pragmatik dan berpaksikan teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1995), analisis ini menunjukkan bahawa masyarakat di kedua-dua negara berkongsi sejumlah peribahasa yang sama bentuk dan makna, ada juga peribahasa yang berbeza dari segi bentuk tetapi masih mengekalkan makna yang sama dan ada peribahasa yang berbeza bentuk dan berbeza juga dari segi makna walaupun menggunakan objek haiwa yang sama. Perbezaan bentuk tersebut mencerminkan pengaruh kosa kata tempatan dalam penciptaan peribahasa, manakala persamaan makna menunjukkan pemerhatian budaya yang sejajar terhadap tingkah laku haiwan tersebut. Di samping itu, peribahasa yang berbeza sama sekali dari segi bentuk dan makna menandakan wujudnya perbezaan sudut pandang budaya yang bersifat tempatan. Kesemua variasi ini menggambarkan bagaimana 'ayam' digunakan sebagai alat retorik untuk menyampaikan mesej sosial secara halus dan bersantun, dan berasaskan konsep relevans yang mempertimbangkan usaha pemprosesan dan kesan kognitif dalam komunikasi. Kajian ini menyumbangkan pemahaman yang lebih mendalam tentang mekanisme komunikasi tidak langsung dalam masyarakat Melayu dan membuka ruang untuk penyelidikan lanjut mengenai peranan simbol haiwan dalam mencerminkan nilai budaya dan struktur kognitif dalam peribahasa serantau.

## RUJUKAN

- Awang Asbol Haji Mail. (2015). Imej telur dan ayam dalam masyarakat Melayu Brunei: Hubungannya dengan folklor dan sejarah. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 3(1), 19-30.
- Azura Halid. (2023). Leksikal Ayam dalam Simpulan Bahasa Merujuk Perangai Manusia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/leksikal-ayam-dalam-simpulan-bahasa-merujuk-perangai-manusia-418364>
- Blakemore, D. (1992). *Understanding Utterances: An Introduction to Pragmatics*. Blackwell. <https://doi.org/10.2307/415976>
- Carston, R. (2019). *Metaphor Interpretation and Mental Imagery*. University College London.
- Evizariza, & M. Hum. (2025). *Pragmatik: Teori dan Penerapannya*. Gemilang Press. [https://www.researchgate.net/publication/387905964\\_Pragmatik\\_Teori\\_dan\\_Penerapannya](https://www.researchgate.net/publication/387905964_Pragmatik_Teori_dan_Penerapannya)
- Gibbs, R. W. (1994). *The Poetics of Mind: Figurative Thought, Language, and Understanding*. Cambridge University Press.
- Hadijah Hassan. (2019). *Perambahan Brunei*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Haji Ali Ahmad, D. A. (1991). *Perambahan Brunei: Penelitian Bentuk, Makna dan Konsep* [Latihan Ilmiah]. Universiti Brunei Darussalam.
- Hamilton, A. W. (1947). *Malay Proverbs*. Singapore: Eastern University Press Ltd.
- Hashim Haji Abd. Hamid. (2002). *Bicara Sastera Melayu*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Brunei Darussalam.
- Hasmidar Hassan. (2014). Ucap Selamat, Ungkapan Anomali Namun Dimengerti dalam Komunikasi: Penjelasan Dari Perspektif Pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 13(2), 259–272.
- Hasmidar Hassan. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Asas Berfikir: Analisis Berdasarkan Teori Relevans. Universiti Sains Malaysia.  
[https://www.researchgate.net/publication/303940512\\_PENGINTERPRETASI\\_AN\\_PERIBAHASA\\_DAN\\_HUBUNGANNYA\\_DENGAN\\_KEMAHIRAN\\_BERFIKIR\\_ANALISIS\\_BERDASARKAN\\_TEORI\\_RELEVANS\\_The\\_Interpretation\\_of\\_Proverbs\\_and\\_Their\\_Relation\\_to\\_Thinking\\_Skills\\_An\\_Analysis\\_Based\\_on\\_Re](https://www.researchgate.net/publication/303940512_PENGINTERPRETASI_AN_PERIBAHASA_DAN_HUBUNGANNYA_DENGAN_KEMAHIRAN_BERFIKIR_ANALISIS_BERDASARKAN_TEORI_RELEVANS_The_Interpretation_of_Proverbs_and_Their_Relation_to_Thinking_Skills_An_Analysis_Based_on_Re)
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbincangan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Heras Ramírez. (2015). A Pragmatic Approach to Proverb Use and Interpretation. Repositorio Institucional de la Universidad de Cádiz.
- Hj Abd Rahman, H. N. (2007). *Elipsis dan Bentuk Parambahan Brunei* [Tesis BA]. Universiti Brunei Darussalam.
- Hj Chuchu, J. (2005). *Ragam-Ragam Dialek Melayu Brunei*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis Kognitif Semantik Peribahasa Melayu Bersumberkan Anjing (Canis Familiaris). Universiti Kebangsaan Malaysia. file:///C:/Users/User/Downloads/ANALISIS%20SEMANTIK%20KOGNITIF%20PERIBAHASA%20MELAYU%20YANG%20BERSUMBERKAN%20ANJIN G.pdf
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusasteraan Melayu Lama*. Selangor: Longman Malaysia.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin, & Junaini Kasdan. (2017). Elemen dualisme dalam peribahasa: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 10(1), 66–88.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (IMAN)*. file:///C:/Users/User/Downloads/74472-245083-1-SM%20(1).pdf
- Koh Boh Boon. (1992). *Peribahasa Melayu dan Peribahasa Cina: Satu Perbandingan Ringkas*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa.
- Lakoff, G., & Johnson, M. (1980). *Metaphors We Live By*. Chicago: University of Chicago Press.
- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics*. Singapore: Longman Singapore Publishers Pte Ltd.
- Levinson, S. C. (1991). *Pragmatics*. Cambridge University Press.

- Mataim Bakar. (2006). *Fonologi Dialek Melayu Brunei: Satu Analisis Berdasarkan Teori Generatif*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Roeslan Effendy. (1984). *Selayang Pandang Kesusasteraan Indonesia*. Surabaya: PT. Bina Ilmu Offset.
- Muhammad, I. H. (1995). *Cerpen-cerpen Pak Sako* (Diselenggarakan oleh H. Awang & A. K. H. Abdullah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (2020). *Peribahasa Melayu Pemerhati Akal Budi*. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Ayam (*Gallus Gallus Domesticus*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41–51. [https://www.researchgate.net/publication/326293233\\_Ayam\\_Gallus\\_Gallus\\_Domesticus\\_Dalam\\_Peribahasa\\_Melayu\\_Analisis\\_Semantik\\_Inkuisitif](https://www.researchgate.net/publication/326293233_Ayam_Gallus_Gallus_Domesticus_Dalam_Peribahasa_Melayu_Analisis_Semantik_Inkuisitif)
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, 40(1), 9–24. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.9>
- Muhammad Zaid Daud, Nurul Aida Abdullah, & Mary Fatimah Subet. (2021). Refleksi sisi negatif burung gagak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 10(2), 24–44. <https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>
- Morris, C. (1938). Foundations of the theory of signs. In Neurath, O., Carnap, R., & Morris, C. (Eds.), *International Encyclopedia of Unified Science*, Vol. 1, No. 2. Chicago: University of Chicago Press.
- Naladhipa, A. (2017). Pengertian, ciri, klasifikasi, dan contoh kingdom animalia: Web log post. <http://www.alulanaladhipa.com/2017/08/kingdom-animalia.html>
- Nooraini Shahida Ishak, & M. Mascitah Mansor. (2011). Peribahasa gambaran minda Melayu dalam penciptaan iklan. *Jurnal Bahasa dan Linguistik*.
- Noorhayati Mohidin. (2013). *Perambahan Brunei: Citra dan Perlambangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2006). *Sentuhan Rasa dan Fikir*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriza Daud, Umaimah Kamarulzaman, & Noor Hidayu Parlan. (2013). Simbolisme haiwan dalam peribahasa Melayu. Universiti Malaysia Sabah. [https://www.researchgate.net/publication/309631395\\_Developing\\_Roles\\_of\\_Language\\_in\\_a\\_Multi-faceted\\_Society\\_Proceedings\\_of\\_the\\_International\\_Conference\\_on\\_Languages\\_Linguistics\\_and\\_Society\\_523\\_Symbolisme\\_Haiwan\\_dalam\\_Peribahasa\\_Melayu](https://www.researchgate.net/publication/309631395_Developing_Roles_of_Language_in_a_Multi-faceted_Society_Proceedings_of_the_International_Conference_on_Languages_Linguistics_and_Society_523_Symbolisme_Haiwan_dalam_Peribahasa_Melayu)
- Nur Izzati Rozman, & Nor Azilawati Mohd Noor. (2018). Semantik inkuisitif analisis 'Belut' dalam peribahasa Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noorashid, N., & Azli, N. A. (2024). Bahasa seksis dalam peribahasa Melayu dan perambahan Brunei. *PENDETA*, 15(2), 18–36. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.2.2024>
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, & Mohd. Rasdi Saamah. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Senai. *Gema Online Journal of Language Studies*. [https://www.academia.edu/95360961/Haiwan\\_sebagai\\_perlambangan\\_dalam\\_peribahasa\\_orang\\_senai](https://www.academia.edu/95360961/Haiwan_sebagai_perlambangan_dalam_peribahasa_orang_senai)

- Salleh, I. 2010. Sabung ayam. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/leksikal-ayam-dalam-simpulan-bahasa-merujuk-perangai-manusia-418364>
- Salinah Jaafar, Huraizah Abd. Sani, & Rohaidah Haron. (2018). Perubahan fungsi dan makna peribahasa dalam laman Facebook. *Jurnal Komunikasi Malaysia*. file:///C:/Users/User/Downloads/perubahan%20fungsi%20peribahasa%20dan%20makna.pdf
- Sapinah Haji Said. (2013). *Kamus Peribahasa Melayu*. Penerbitan Pelangi Sdn Bhd.
- Shaiful Bahri Md Razi. (2019). Kebitaraan peribahasa dalam komunikasi. *Akademika*, 89(Isu Khas/Special Issue). file:///C:/Users/User/Downloads/31303-100743-1-PB.pdf
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Blackwell. <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/026765838700300206>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication & Cognition* (2nd ed.). Blackwell Publisher Ltd.
- Stefana Garello, & Marco Carapezza. (2023). Pragmatics, metaphor studies and the challenge of mental imagery. University of Palermo.
- Tenas Effendy. (2002). *Peribahasa dalam Kehidupan Orang Melayu*. <https://docs.google.com/viewerng/viewer?url=https://malaycivilization.com.my/omeka/files/original/3bdea6268d3ce987b0c4e04720918fea.pdf>
- Wan Norasikin Wan Ismail, A. Latif Samian, & Nazri Muslim. (2016). Ayam dalam masyarakat Melayu: Lambang keintelektualan masyarakat. Malaysia.
- Wilkinson, R. J. (1907). *Papers on Malay subject 1: Malay literature*. London: Luzac & Co.
- Zaid Mohd Zain, & Wan Suhaila Wan Idris. (2020). Kajian persamaan makna peribahasa Melayu dan peribahasa Jepun. Universiti Putra Malaysia. file:///C:/Users/User/Downloads/KAJIAN%20PERSAMAAN%20MAKNA%20PERIBAHASA%20MELAYU%20-%20JEPUN.pdf